



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2023/03/20\_17 (HQ)

### PERSIDANGAN PERALIHAN TENAGA PUPUK KEFAHAMAN, PERHALUSI INISIATIF PERALIHAN TENAGA

Persidangan Peralihan Tenaga anjuran Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada Ogos tahun ini dijangka dapat memupuk kefahaman masyarakat mengenai kesan Peralihan Tenaga (ET – Energy Transition) dan memperhalusi inisiatif yang perlu diambil pihak berkaitan untuk menangani peralihan tenaga, kata Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, YB Nik Nazmi Nik Ahmad.

“Dalam proses Peralihan Tenaga (ET) dan fokus kepada kelestarian ketika ini, rantai nilai tenaga amat wajar difahami oleh seluruh pengguna kerana setiap anggota masyarakat mempunyai peranan mengurangkan jejak karbon dalam kehidupan seharian,” katanya.

TNB akan menganjurkan persidangan tersebut pada 28 dan 29 Ogos 2023 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur sebagai salah satu platform penting Malaysia untuk merangsang penyelesaian dan kerjasama merentasi pelbagai sektor ekonomi dalam menangani peralihan tenaga. Ia turut menampilkan pameran solusi peralihan tenaga.

Nik Nazmi menyifatkan penganjuran Persidangan Peralihan Tenaga itu sebagai penting kerana peralihan tenaga memerlukan penghayatan dan penumpuan kerana sektor tenaga merupakan antara enjin pertumbuhan kritikal kepada ekonomi negara dengan menyumbang secara ketara kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

“Sektor tenaga menjadi pemangkin kemakmuran ekonomi malah dalam banyak situasi, berperanan sebagai penggerak kepada pembangunan sektor utama seperti perdagangan, pengangkutan, industri, komersial dan sektor kediaman. Lebih utama, ia menyumbang kepada kemampuan tenaga, usaha menjaga alam sekitar dengan lebih baik dan bergerak ke arah masa depan yang lebih mampan terutamanya untuk generasi akan datang,” katanya lagi.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato’ Indera Ir. Baharin Din pula berkata, persidangan itu adalah satu platform bagi para pemimpin tempatan dan antarabangsa, pakar-pakar, penggiat industri, penggubal dasar dan komuniti untuk berkongsi pelbagai kaedah inovatif dari pelbagai industri untuk mempercepatkan Peralihan Tenaga bertanggungjawab.

Baharin juga berkata penganjuran Persidangan Peralihan Tenaga adalah selaras dengan matlamat dan aspirasi Hala Tuju Kelestarian 2050 TNB. TNB komited untuk memacu agenda peralihan tenaga negara melalui aspirasi pelepasan sifar bersihnya bagi menyokong Malaysia mencapai sasaran negara neutral karbon menjelang 2050.

Persidangan itu berpaksikan kepada peralihan dalam tiga kategori yang merangkumi Tenaga, Pengangkutan dan Perbandaran. Topik-topik ini akan meliputi empat tema khusus yang terdiri

daripada Tenaga Boleh Baharu (TBB), Penyahkarbonan, Pendigitalan dan Pemboleh Peralihan Tenaga yang merangkumi dasar, pasaran dan keupayaan.

Dalam persidangan itu, peserta juga akan didedahkan kepada teknologi dan penyelesaian mampan melalui pameran dan peluang untuk sesi padanan perniagaan (*business matching*).

Untuk maklumat lanjut dan pendaftaran penyertaan, sila layari <https://the-etconference.com/>.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 20 Mac 2023, jam 10 pagi**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /*

*Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606*

*atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*



Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), YB Nik Nazmi Nik Ahmad (tiga, kanan) memasukkan simbol kilat ke dalam logo The Energy Transition Conference sebagai simbolik penyempurnaan prapelancaran persidangan itu selepas Majlis Pelancaran Malaysia Energy Literacy Program (MELP) pada 1 Mac 2023.

Turut hadir Timbalan Menteri NRECC, Dato' Sri Huang Tong Sii (dua, kanan), Ketua Setiausaha NRECC, Dato' Haji Rosli Isa (kanan), Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din (dua, kiri) dan Ketua Pegawai Strategi dan Usaha Niaga (Chief Strategy & Ventures Officer) TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan (kiri).